

BERITA



TEMA SENTIASA BOLEH: Di TTSH/NCID, tema bagi Hari Jururawat tahun ini adalah "I am Possible" (disebut "I'm possible") dengan fokus pada ciri-ciri perpaduan, hubungan dan belas (unity, relationships and heart). - Foto TTSH

Jururawat TTSH, NCID gagahi cabaran terus berbakti di luar hospital

WALAUPIUN mereka menghadapi tahun yang mencabar tahun ini mengatasi penularan Covid-19 di barisan hadapan, jururawat daripada Hospital Tan Tock Seng (TTSH) serta Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID) terus berusaha untuk berbakti kepada masyarakat di luar hospital.

Dalam satu inisiatif sempena Hari Jururawat tahun ini, beberapa jururawat telah berusaha untuk menetapkan rekod bagi, logo terbesar yang membentuk logo Hari Jururawat dari cincin berupa gegelang (ring tab) dalam Buku Rekod Singapura.

Tema tahun ini adalah, 'Nothing is Impossible. I'MPossible'.

Menurut TTSH, cincin berupa gegelang ini, kemudian akan ditimbang dan ditukar untuk mendapat beberapa kerusi roda yang akan didermakan kepada rakan masyarakat Pusat Kesihatan TTSH.

"Kami sangat berterima kasih atas semua penghargaan, kad terima kasih, kata-kata galakan serta makanan dan minuman dari kumpulan korporat dan anggota awam.

"Jadi ini adalah cara bagi kami untuk menunjukkan penghargaan kami kepada masyarakat," ujar En-cik Muhammad Azizi Supki, seorang jururawat kakitangan kanan di TTSH.

Doa, sokongan pesakit dorong peringkat diri dalam bidang kejururawatan

▶ **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

SEDIH rasanya apabila tidak mempunyai wang yang cukup untuk membelanjakan sesuatu untuk anak-anaknya apabila keluar berjalan-jalan.

Setelah penceraian pada 2008, ibu tunggal Cik Muminyanti Ishaq bekerja sebagai seorang pegawai pemasaran telefon selama sekitar setahun, namun terpaksa berhenti kerana tiada orang yang boleh menjaga anak-anaknya yang pada masa itu berusia dua dan tiga tahun.

Sementara menguruskan hal keluarganya itu, beliau menerima bantuan daripada Pusat Khidmat Keluarga dan juga Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC).

Cik Muminyanti sedar untuk menyara kehidupan keluarganya, beliau perlu mempertingkatkan kemahiran dan mendapatkan pekerjaan lebih stabil.

Justeru, beliau langsung merebut peluang yang disarankan CDC untuk menjalani kursus Penjagaan Kejururawatan Tenaga Kerja Singapura (WSQ) di Institut Sains Kesihatan HMI.

Tambahan lagi, minat dalam bidang kejururawatan pernah tercetus dalam diri beliau berdasarkan pengalaman hidupnya.

"Sebelum ini saya pernah menjaga kakak saya yang berkerusi roda yang lumpuh secara tiba-tiba.

"Jadi saya punyai pengalaman seperti menukar kateter, pembalut luka (dressing) dan mandikan beliau dan sebagainya.

"Pada masa itu, minat untuk menceburi bidang kejururawatan sudah mula, tapi tak sangka akhirnya saya diberikan peluang ini," ujarnya.

Selepas tamat kursus WSQ pada 2011, Cik Muminyanti berjaya mendapat pekerjaan di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) sebagai pembantu penjagaan kesihatan.



TAK SANGKA DAPAT JADI JURURAWAT: Cik Muminyanti berkata beliau tidak jangkakan dapat menceburi bidang kejururawatan memandangkan tidak mempunyai sebarang sijil yang boleh menuju ke arah itu sebelum ini. - Foto ihsan CIK MUMINYANTI ISHAQ

Sementara bekerja, beliau juga menjalani kursus Kejururawatan di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) College East dan mendapatkan sijil pada 2016.

Kini, beliau bekerja sebagai seorang jururawat di TTSH, dan pada masa melanjutkan pelajarannya sepenuh masa dengan tajaan TTSH dalam jurusan Kejururawatan di Politeknik Nanyang dan akan menerima diploma sebagai taman pengajian pada Februari tahun depan.

Katanya: "Sebenarnya sampai sekarang saya rasa seolah bermimpi, bagaimana individu seperti saya

yang tidak mempunyai apa-apa sijil sebelum ini dapat masuk bidang jururawat.

"Tapi apabila fikir tentang anak-anak, ia mendorong saya terus berdaya tahan dan lakukan yang terbaik."

Tambah beliau, bila terpaksa 'kembali ke sekolah' agak mencabar pada awalnya.

Namun, kata-kata perangsang daripada pesakit di hospital mendorong beliau terus bekerja keras meneruskan pengajian dan juga meningkatkan kemahiran.

"Semua pesakit yang saya kenal

banyak dorong saya teruskan pelajaran. Ramai yang doakan saya.

"Saya rasa pencapaian ini juga berkat kepercayaan dan doa mereka untuk saya," katanya.

Cik Muminyanti yang kini sudah berumah tangga berkata keluarganya, terutama sekali anak lelakinya yang kini berusia 15 tahun serta anak perempuannya, 15 tahun, bangga dengan pencapaiannya.

Katanya: "Memang mereka bangga, tapi anak-anak saya prihatin dan bimbang juga; boleh ke tak saya imbang semua tugasan ini. Tapi saya cakup jangan bimbang."

Membaca kini lebih canggih!

Wajahnya sama seperti akhbar cetak, namun pengalaman membacanya jauh lebih menarik dan gembira!

Ciri-Ciri Menarik:

- ➔ LOGIN SEKALI SAHAJA
- ➔ BOLEH BACA OFFLINE
- ➔ NIKMATI ARKIB 14 HARI
- ➔ ZUM - BACA TANPA CERMIN MATA
- ➔ SIMPAN ARTIKEL KEGEMARAN ANDA
- ➔ KONGSI CERITA DI MEDIA SOSIAL

Pakej Tablet Berita Harian Yang Baru



Dapatkan Samsung Galaxy Tab A Wi-Fi® Tablet (bernilai \$398)

\$19.90* sebulan

*kontrak 24 bulan



Kunjungi [BHSUB.SG/TABLET-BH](https://bhsb.sg/tablet-bh) atau imbas kod QR untuk melanggan

Berita Harian
Segalanya Di Hujung Jari Anda

Tertakluk kepada terma dan syarat. Untuk butiran lanjut mengenai terma pajakan, layari bhsb.sg/tablet-bh.
Gambar bagi tujuan hiasan sahaja.

